

17 AUG 1997

Mahathir-Syariah

PM DILANTIK Pengerusi Jawatankuasa Penyeragaman Undang-Undang Syariah

LANGKAWI, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai Jawatankuasa Penyeragaman Undang-undang Syariah yang dibentuk oleh Majlis Raja-raja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata, jawatankuasa itu akan mengadakan mesyuarat secepat mungkin selewat-lewatnya akhir bulan ini.

Jawatankuasa itu akan dianggotai antaranya pakar undang-undang, ulama dan penggubal dasar, katanya selepas menghadiri konvensyen UMNO Kedah di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan konvensyen itu malam ini.

Katanya jawatankuasa itu antara lain berfungsi untuk menyemak semula dan menyusun undang-undang serta kuasa jabatan-jabatan agama di negara ini.

Penyeragaman bidang kuasa itu timbul berikutan teguran Dr Mahathir terhadap tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) baru-baru ini yang menahan dan mendakwa tiga gadis Melayu yang menyertai satu pertandingan ratu cantik kerana didakwa berpakaian tidak senonoh.

Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata tindakan itu tidak mencerminkan imej Islam yang sebenarnya kerana ada tindakan lain yang boleh dibuat daripada memalukan mereka sedemikian rupa.

Sementara itu, seramai 1,153 pemimpin dan ahli UMNO seluruh negeri Kedah menyertai konvensyen selama tiga hari itu di sebuah hotel terkemuka di sini.

Setiausaha konvensyen itu Senator Haji Bakri Haji Ali berkata mereka mewakili 15 bahagian di negeri Kedah.

Pengerusi konvensyen itu, Datuk Haji Badrudin Amiruldin akan menyerahkan resolusi kepada Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid pada hari penutup konvensyen petang esok.-- Bernama

ZI oba